



Pendebat daripada Kelab Debat Bahasa Melayu bergambar bersama Timbalan Naib Canselor dan Pengetua Kolej Kediaman Tun Fuad

Foto Oleh Nan Syahirah Long Padang

# DEBORA Anjuran Debat Terbaik Universiti Malaysia Sabah

Oleh Nan Syahirah Long Padang

[syahirahchocky@gmail.com](mailto:syahirahchocky@gmail.com)

Kota Kinabalu, 11 MAC - Debora kali kedua diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) bertempat di Kolej Kediaman Tun Fuad disertai oleh pendebat IPTA Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Sebelum ini Debora lebih dikenali sebagai Debat IPTA Borneo dan Debat Piala Orator dan telah ditukar kepada DEBORA pada tahun 2016.

43 orang pendebat daripada 11 kumpulan bertanding mewakili Politeknik Banting, Politeknik Kuching Sarawak, Politeknik Kota Kinabalu, Uitm Sabah, Kelab Debat Bahasa Melayu UMS dan peserta dari Kolej Kediaman Tun Fuad. Debora pada tahun ini agak berlainan daripada tahun sebelumnya kerana mendapat penyertaan dari IPTA Semenanjung.

Felo Penyelaras Debora 2017 ialah Encik Masran. Beliau merupakan orang kuat Debora. Debora pada tahun ini mendapat tajaan daripada Kementerian Belia dan Sukan, Gagasan 1 Malaysia, My Face dan Sinaran Cafe serta T-shirt yang dipakai oleh AJK Debora mendapat tajaan daripada syarikat swasta.

Persaingan sengit antara 11 kumpulan itu mendapat sambutan ramai daripada pelajar UMS dan penonton dari luar. Masing-masing melontarkan hujah yang bernes dan sukar untuk dibantah.

Pada sesi pertama pendebat daripada UITM Sabah sebagai pembangkang dan Politeknik Sabah sebagai kerajaan. Pendebat UITM Sabah melontar hujah yang kukuh. Mereka membangkang habis-habisan pihak lawan daripada kerajaan yang menyokong agar GST dinaikkan kepada 8 peratus daripada 6 peratus kadar GST yang sedia ada. Jika GST dinaikkan lagi sudah pasti perkara ini akan menyusahkan rakyat Malaysia.

Debora 2017 berlangsung selama dua hari dan dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Madya Dr. Ismail Ali, pada majlis penutupan pertandingan Debora tepat pada jam 10 malam. Perasmian majlis itu mendapat sambutan ramai seluruh isi dewan dipenuhi dengan audiensi daripada UMS dan IPTA luar. Pelaksanaan